- j) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM)
- k) Bahagian Akaun (AK)
- l) Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD)
- m) Bahagian Pentadbiran (T)
- n) Bahagian Kewangan (K)

- o) Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP)
- p) Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
- q) Unit Audit Dalam (UAD)
- r) Unit Integriti
- s) Unit komunikasi Korporat (UKK)


## 2.2 STRUKTUR ORGANISASI KPKM

Struktur organisasi KPKM yang melibatkan semua Bahagian dan Unit dibangunkan bagi kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama Kementerian dan sistem pengurusan kualiti. Carta Organisasi KPKM adalah seperti di **Carta A**.



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**CARTA ORGANISASI**



ABDUL KEMASJANI: 6 FEBRUARI 2025

## **2.3 VISI**

Peneraju Kemajuan Sektor Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negara

## **2.4 MISI**

Memperkasa sektor pertanian supaya berdaya tahan dan mampan bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuh keterjaminan makanan.

## **2.5 NILAI BERSAMA**

- 1) Profesional
- 2) Empati
- 3) Responsif
- 4) Telus
- 5) Akauntabiliti
- 6) Amanah dan Adil
- 7) Integriti dan Inklusif

## **2.6 OBJEKTIF**

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan penggembengan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).

## **2.7 FUNGSI**

KPKM komited untuk melaksanakan dasar dan program yang ditetapkan dengan berkesan, dinamik dan berkualiti. Bahagian dan Unit di KPKM dapat dibahagikan kepada beberapa sektor dan unit-unit di bawah Ketua Setiausaha seperti berikut:

| SEKTOR PEMBANGUNAN |                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                   |
|--------------------|-------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil.               | Bahagian                                                    | Fungsi                                                                                                                                                                                                                                            |
| 1.                 | Bahagian Sekuriti Makanan (BSM)                             | Menggubal, mengemaskini serta memantau dasar dan strategi berkaitan dengan industri tanaman, ternakan dan perikanan.                                                                                                                              |
| 2.                 | Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP)                    | Menggubal dasar dan polisi industri padi dan beras negara, menyelaraskan pengurusan subsidi dan insentif berkaitan serta menguatkuasakan undang-undang berkaitan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan peraturan-peraturan di bawahnya. |
| 3.                 | Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT)              | Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan program usahawan industri hiliran bagi industri tanaman, ternakan, perikanan, kulinari dan agropelancongan.                                                                           |
| 4.                 | Bahagian Pembangunan                                        | Menyelaraskan dan memantau bajet serta pelaksanaan projek pembangunan di Bahagian/Jabatan/Agensi.                                                                                                                                                 |
| 5.                 | Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)             | Merancang, melaksana dan menilai program/projek pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran pertanian.                                                                                                                                        |
| SEKTOR DASAR       |                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 6.                 | Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS)              | Menggubal, menyelaraskan dan menetapkan hala tuju bagi isu, dasar dan jata berkaitan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.                                                                                                            |
| 7.                 | Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) | Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program latihan TVET Pertanian dan kursus yang dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KPKM.                                                                                                        |
| 8.                 | Bahagian Antarabangsa (AB)                                  | Menyelaraskan hubungan antarabangsa dan program kerjasama teknikal dengan negara/organisasi luar                                                                                                                                                  |

|                          |                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|--------------------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                          |                                                     | di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala dalam bidang agromakanan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 9.                       | Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) | Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar serta program berkaitan pembangunan perniagaan dan pelaburan dalam bidang pertanian dan agromakanan di sepanjang rantai nilai pemasaran yang merangkumi aktiviti promosi, pemasaran, fasilitasi import/ eksport dan insentif pasca tuai serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar serta program berkaitan projek-projek penswastan Kementerian. |
| 10.                      | Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP)                  | Merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai dasar serta program berkaitan pemodenan dan inovasi pertanian.                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>SEKTOR PENGURUSAN</b> |                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 11.                      | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)           | Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan urusan berkaitan pembangunan organisasi dan sumber manusia.                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 12.                      | Bahagian Kewangan (KEW)                             | Merancang dan memantau urusan berkaitan bajet, kewangan dan perolehan organisasi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 13.                      | Bahagian Akaun (AK)                                 | Merancang, memantau dan melaksanakan pengurusan perakaunan terimaan, bayaran, aset deposit dan liabiliti Kementerian; dan menyediakan Penyata Kewangan Kementerian bulanan dan tahunan.                                                                                                                                                                                                                          |
| 14.                      | Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD)                 | Merancang, membangunkan dan menyelaraskan pengurusan strategik ICT/pendigitalan termasuk dasar-dasar, pekeliling dan peraturan ICT.                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 15.                      | Bahagian Pentadbiran (BT)                           | Menyediakan khidmat sokongan dari segi pengurusan pentadbiran kepada Bahagian/Jabatan/Agensi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

**UNIT-UNIT DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA**

|     |                                 |                                                                                                                                  |
|-----|---------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 16. | Pejabat Penasihat Undang-Undang | Menyediakan perkhidmatan perundangan kepada Bahagian/Jabatan/Agensi.                                                             |
| 17. | Unit Audit Dalam                | Melaksanakan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan.      |
| 18. | Unit Integriti                  | Melaksanakan urusan berkaitan pengukuhan integriti organisasi dari segi tatatertib, pengurusan aduan, pematuhan dan tadbir urus. |
| 19. | Unit Komunikasi Korporat        | Merancang, menyelaras dan melaksanakan program perhubungan awam dan publisiti organisasi.                                        |

## 2.7 PIAGAM PELANGGAN

- 1) Memberi maklumbalas ke atas permohonan maklumat agromakanan dalam tempoh **tiga (3) hari** bekerja dari tarikh menerima permohonan.
- 2) Merancang, memantau dan menilai pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian supaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Laporan pemantauan dikeluarkan dalam tempoh **lima (5) hari** bekerja selepas lawatan projek.
- 3) Menguruskan urusan hal ehwal berkaitan perkhidmatan (pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat dan persaraan) dalam tempoh empat **(4) minggu** di peringkat Kementerian.
- 4) Memproses pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi Badan Berkanun di bawah Kementerian dan Agensi serta pelantikan pegawai diberi kuasa di bawah Akta dalam tempoh **empat belas (14) hari** bekerja dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima.
- 5) Permohonan kuantum Import Keluaran Pertanian - Keputusan akan dikemukakan kepada Jabatan / Agensi dalam tempoh **tiga (3) hari** bekerja selepas keputusan daripada Pejabat YBM diperolehi.
- 6) Memastikan aplikasi kritikal berada di tahap ketersediaan **sekurang-kurangnya 95%**.
- 7) Memproses bayaran gaji bulanan anggota Kementerian **satu (1) minggu** sebelum bayaran gaji.
- 8) Mengeluarkan surat tawaran permohonan kemasukan baharu dan naik tahap pelatih Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dalam tempoh **empat belas (14) hari** bekerja selepas tarikh tutup permohonan.
- 9) Menyelaraskan dan memudahkan penglibatan dan sumbangan Kementerian di arena antarabangsa termasuk bidang ekonomi dan hubungan diplomatik.
- 10) Menyelaraskan, mengkaji dan memudahkan di dalam hubungan dua hala terutama bidang pertanian.
- 11) Mengeluarkan keputusan permohonan baharu dan pembaharuan Lesen Runcit Beras dalam tempoh **lima (5) hari** bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

- 12) Mengeluarkan keputusan permohonan baharu dan pembaharuan Lesen Borong Beras, Lesen Import dan Lesen Eksport dalam tempoh **lima belas (15) hari** bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 13) Pengeluaran permit pemindahan padi dan beras serta hasil sampingan antara negeri dalam tempoh **satu (1) jam**.
- 14) Menguruskan hal ehwal berkaitan industri tanaman, ternakan, perikanan dan herba dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** bekerja di peringkat Kementerian setelah permohonan berkaitan adalah lengkap diterima.
- 15) Melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah kerjasama strategik dalam tempoh **enam (6) bulan** selepas menerima kelulusan dan pertimbangan daripada Jawatankuasa Teknikal Kerjasama Strategik.

## 2.8 KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

| BIL. | PIHAK BERKEPENTINGAN                                           | KEPERLUAN DAN HARAPAN                                                                                                                                                                      |
|------|----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | YAB PM/Menteri Kabinet/Yang Berhormat Menteri/Timbalan Menteri | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai KPI dan dasar Kementerian.</li> <li>• Memastikan kumpulan sasaran Kementerian dapat menikmati hasil penyampaian perkhidmatan.</li> </ul> |
| 2.   | Ketua Setiausaha Kementerian                                   | Memastikan Visi dan Misi Kementerian dalam landasan yang tepat untuk mencapai objektif Kementerian.                                                                                        |
| 3.   | Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)                            | Memastikan pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan.                                                                                                                                  |
| 4.   | Kementerian Ekonomi                                            | Memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan optimum.                                                                                                                             |
| 5.   | Kementerian Kewangan                                           | Memastikan peruntukan mengurus dibelanjakan secara optimum dan berhemah.                                                                                                                   |
| 6.   | Kementerian Sumber Manusia                                     | Pengeluaran tenaga kerja yang mahir, terlatih dan kompeten dalam bidang industri asas tani bagi memenuhi kehendak industri dan swasta.                                                     |

| BIL. | PIHAK BERKEPENTINGAN                                  | KEPERLUAN DAN HARAPAN                                                                                                                                                                                                                   |
|------|-------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7.   | Jabatan Akauntan Negara                               | Memastikan semua prosedur kewangan dipatuhi.                                                                                                                                                                                            |
| 8.   | Jabatan Bomba                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu mengawal selia keselamatan bangunan</li> <li>• Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran</li> </ul>                                                                      |
| 9.   | Pembekal                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan spesifikasi pembekalan dan perkhidmatan tepat dan teratur</li> <li>• Memastikan pembayaran dibuat secara berkala.</li> </ul>                                                        |
| 10.  | Pihak Industri                                        | Tenaga mahir yang terlatih dan kompeten bagi memenuhi keperluan industri.                                                                                                                                                               |
| 11.  | Jabatan Kastam                                        | Memastikan kemasukan produk pertanian berdasarkan permit yang diperolehi.                                                                                                                                                               |
| 12.  | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia | Memastikan dasar perancangan dan pembangunan Kementerian mematuhi akta dan piawaian Kementerian Alam Sekitar.                                                                                                                           |
| 13.  | Petani, Penternak dan Nelayan                         | Hasil pendapatan pertanian, penternakan dan perikanan meningkat. Khidmat nasihat dan bantuan dalam bidang berkaitan.                                                                                                                    |
| 14.  | Pemborong/Peruncit                                    | Memastikan pengeluaran lesen dapat dikeluarkan dalam masa yang singkat.                                                                                                                                                                 |
| 15.  | Pelatih                                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima latihan kemahiran yang berkualiti sebagai tenaga mahir di dalam bidang pertanian.</li> <li>• Dapat diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam industri berasaskan pertanian.</li> </ul> |

|     |                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|--------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 16. | Jabatan/Agensi di bawah KPKM                     | Mewujudkan kerjasama yang baik.                                                                                                                                                                                                                                              |
| 17. | Kementerian Kesihatan/IMR                        | Memastikan penyelidikan dijalankan terhadap produk-produk pertanian yang dihasilkan oleh pihak industri mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan produk yang berdaftar.                                                                                                      |
| 18. | Universiti/Institut Penyelidikan                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Geran penyelidikan berterusan untuk terus meneroka potensi produk pertanian Malaysia.</li> <li>• Hasil-hasil penyelidikan akan dapat digunakan oleh industri untuk menghasilkan produk-produk pertanian yang berkualiti.</li> </ul> |
| 19. | Syarikat/Pengusaha/Pengeluaran Pertanian/Makanan | Insentif berterusan bagi meningkatkan kualiti produk dari peringkat tanaman sehingga produk siap.                                                                                                                                                                            |
| 20. | Pejabat Keselamatan Negara (CGSO)                | Memastikan keselamatan dokumen terperingkat mengikut Arahan Keselamatan.                                                                                                                                                                                                     |
| 21. | MAMPU                                            | Memastikan pencapaian cemerlang dalam semua aspek pengurusan- Star Rating                                                                                                                                                                                                    |
| 22. | Arkib Negara                                     | Memastikan pengurusan rekod kementerian mematuhi Akta Rekod Arkib Negara Malaysia.                                                                                                                                                                                           |
| 23. | Pengimport                                       | Mematuhi peraturan, perundangan dan prosedur yang ditetapkan oleh negara-negara pengimport dipatuhi dan produk yang diimport memenuhi mutu dan piawaian antarabangsa.                                                                                                        |
| 24. | Pengeksport                                      | Memastikan bekalan mencukupi dan memenuhi spesifikasi.                                                                                                                                                                                                                       |
| 25. | Rakyat                                           | Memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat.                                                                                                                                                                                                                       |
| 26. | Warga KPKM                                       | Memastikan kebajikan dan pembangunan kerjaya cemerlang.                                                                                                                                                                                                                      |


## 2.9 AKTA DAN PERATURAN

| BIL | AKTA - AKTA DAN PERATURAN                                                               |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)                                                        |
| 2.  | Akta Keterangan 1950 (Akta 56)                                                          |
| 3.  | Arahan Perbendaharaan Dan Pekeliling –Pekeliling Perbendaharaan                         |
| 4.  | Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993                         |
| 5.  | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam                                                    |
| 6.  | Akta Pencen 1980                                                                        |
| 7.  | Arahan Perkhidmatan Dan Arahan Pentadbiran                                              |
| 8.  | Arahan Dalaman Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani            |
| 9.  | Panduan Pengurusan Pejabat (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007)              |
| 10. | Quality Management Systems – Requirements (ISO 9001:2015)                               |
| 11. | Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629)                                              |
| 12. | Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)                                                       |
| 13. | Kanun Keseksaan (Akta 574)                                                              |
| 14. | Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tahun 2025 - 2030 |

### 3.1 MODEL PROSES SISTEM PENGURUSAN KUALITI

KPKM mewujudkan sistem pengurusan kualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan dan undang-undang serta peningkatan berterusan melalui Model Proses Sistem Pengurusan Kualiti yang mengandungi keperluan seperti Tanggungjawab Pengurusan, Pengurusan Sumber, Realisasi Perkhidmatan dan Pengukuran, Analisis dan Peningkatan.

Rajah : Model Proses Pengurusan Sistem Kualiti



BUSINESS PROCESS MAPPING ISO 9001:2015 MOA

### 3.2 PELAN PERKHIDMATAN

KPKM mewujudkan dan membangunkan keperluan proses sistem pengurusan kualiti untuk Bahagian dan Unit di dalam organisasi bagi penentuan aliran proses dan interaksi sesuatu proses atau hubungkait di antara Bahagian dan Unit yang terlibat melalui pembangunan plan proses perniagaan ke atas skop yang identarian.

Pelan Proses Perniagaan ini juga digunakan dalam mengenal pasti keperluan dokumentasi sistem pengurusan kualiti yang perlu dalam memastikan kawalan yang efektif terhadap sesuatu proses perkhidmatan.

### 3.3 SKOP PENDAFTARAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

KPKM telah menentukan skop pendaftaran untuk sistem pengurusan kualiti bagi aktiviti-aktiviti di Bahagian dan Unit seperti berikut:

- 3.1.1 Pengurusan Nota Jemaah Menteri; (DPS)
- 3.1.2 Pengurusan Pelesenan Padi dan Beras (Permohonan Baharu Dan Pembaharuan Lesen Runcit, Borang, Import, Eksport Membeli Padi, Kilang Padi (Komersial); (PIP)
- 3.1.3 Pengurusan Modul Latihan Kemahiran Pertanian; (BPKLP)
- 3.1.4 Pengurusan Insentif dalam Sektor Agro Makanan; (IMAT/BDI)
- 3.1.5 Pengurusan Pentadbiran Kontrak Pembinaan; (BPSP)
- 3.1.6 Peruntukan Projek Di Bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan; (BPP) dan
- 3.1.7 Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan (BPEM).

### 3.4 PENGECUALIAN DAN JUSTIFIKASI

KPKM telah mengenal pasti pengecualian terhadap keperluan standard MS ISO 9001:2015 dalam sistem pengurusan kualiti yang dibangunkan di dalam keseluruhan organisasi termasuk Bahagian dan Unit yang terlibat.

| No. Std | Keperluan Standard               | Justifikasi                                               |
|---------|----------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| 7.1.5   | Sumber Pemantauan dan Pengukuran | KPKM tidak menggunakan peralatan yang perlu ditentu ukur. |

### 3.5 POLISI KUALITI

Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan **bertekad dan beriltizam** mentransformasikan industri pertanian negara berdaya saing sejajar dengan **Dasar Agromakanan Negara serta perundangan** yang termaktub. Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memenuhi **kepuasan pelanggan, stakeholders dan pihak-pihak yang berkepentingan** ke arah memajukan sektor pertanian negara.

### 3.6 OBJEKTIF KUALITI

KPKM membentuk sebuah organisasi bagi memenuhi beberapa Objektif Kualiti tertentu. Setiap Bahagian/Unit akan saling bekerjasama bagi memenuhi Objektif Kualiti yang telah dirangka. Objektif kualiti Bahagian/Unit adalah seperti di **Lampiran A (Objektif Kualiti Bahagian/Unit)**

### 3.7 ISU-ISU DALAMAN DAN LUARAN

| BIL. | PERKARA               | ISU-ISU BERKAITAN                                                                                                                                | TINDAKAN<br>(BAHAGIAN/UNIT<br>) |
|------|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
| 1.   | <b>Sumber Manusia</b> | 1. Pekerja kurang kompetensi.<br>2. Kekurangan sumber manusia.<br>3. Kekurangan bilangan kursus motivasi.<br>4. Menambahkan pekerja serba boleh. | PSM                             |
| 2.   | <b>Teknologi</b>      | 1. Peralatan dan teknologi tidak terkini.                                                                                                        | BPM                             |
| 3.   | <b>Infrastruktur</b>  | 1. Keperluan penyelenggaraan infrastruktur yang lebih kerap.                                                                                     | T                               |

| BIL. | PERKARA         | ISU-ISU BERKAITAN                                                              | TINDAKAN<br>(BAHAGIAN/UNIT<br>) |
|------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
|      |                 | 2. Prasarana yang terhad.                                                      |                                 |
| 4.   | <b>Kewangan</b> | 1. Kekurangan peruntukan Kementerian.<br>2. Saranan dasar penjimatan Kerajaan. | KEW                             |

### 3.7.1 Isu-Isu Dalam

### 3.7.2 Isu-Isu Luar

| BIL. | PERKARA            | ISU-ISU BERKAITAN                                                                                                                                                                                                           | TINDAKAN<br>(BAHAGIAN/UNIT) |
|------|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| 1    | <b>Politik</b>     | 1. Halatuju kementerian berubah mengikut pucuk pimpinan.                                                                                                                                                                    | DPS                         |
| 2    | <b>Ekonomi</b>     | 1. Kadar pertukaran matawang asing.<br>2. Ketidakstabilan harga minyak dunia.<br>3. Perubahan dasar ekonomi negara luar dan pertubuhan antarabangsa.<br>4. Hasil negara melalui kutipan cukai perniagaan semakin berkurang. | KEW/BDI                     |
| 3    | <b>Sosial</b>      | 1. Kekurangan minat golongan muda terhadap sektor pertanian.<br>2. Kekurangan insentif yang boleh menarik minat petani moden.                                                                                               | BDI/IMAT                    |
| 4    | <b>Teknologi</b>   | 1. Kurang kesedaran kepada teknologi pertanian moden.<br>2. Kurang kemampuan untuk mendapatkan teknologi pertanian moden.                                                                                                   | BPM/BPP                     |
| 5    | <b>Perundangan</b> | 1. Kepatuhan kepada standard antarabangsa dan negara luar.                                                                                                                                                                  | BSM                         |

|   |                 |                                                                                                                                                                              |               |
|---|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 6 | Persekitaran    | 1. Kesuburan tanah dan kekurangan tanah pertanian.<br>2. Kekurangan infrastruktur dan kemudahan pertanian.                                                                   | BSM/PIP       |
| 7 | Perubahan Iklim | 1. Memberi kesan terhadap sektor pertanian, termasuk ketidaktentuan cuaca, peningkatan suhu, serta perubahan pola hujan yang boleh menjejaskan hasil pertanian dan ternakan. | BSM/BPEM/BPSP |

|   |                           |
|---|---------------------------|
| 4 | <b>KONTEKS ORGANISASI</b> |
|---|---------------------------|

#### 4.1 MEMAHAMI ORGANISASI DAN KONTEKSNYA

KPKM menentukan isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan tujuan dan halatuju strategiknya serta perkara yang memberi kesan terhadap kebolehan untuk mencapai hasil yang dikehendaki dari sistem pengurusan kualiti. Isu-isu yang dihadapi boleh merangkumi isu positif atau negatif yang timbul dari aspek seperti perundangan, persekitaran, teknologi, daya saing, pasaran, budaya, sosial dan ekonomi sama ada di dalam atau di luar negara.

KPKM juga mengambil kira isu dan cabaran sektor agromakanan seperti kestabilan bekalan makanan, mekanisasi pertanian, serta adaptasi teknologi digital.

Isu berkaitan dengan perubahan iklim (*climate changes*) juga diambil kira sebagai salah satu isu dan cabaran dalam sektor agromakanan. Perubahan iklim memberi kesan signifikan terhadap sektor pertanian, termasuk ketidaktentuan cuaca, peningkatan suhu, serta perubahan pola hujan yang boleh menjejaskan hasil pertanian dan ternakan. Untuk mengatasi cabaran ini,

KPKM menerapkan **teknologi pertanian pintar**, amalan pertanian mampan, serta strategi mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.

KPKM memantau dan mengkaji semula maklumat yang berkaitan dengan isu luaran dan dalaman dan dibincangkan di dalam mesyuarat yang melibatkan pengurusan atasan dan ketua unit (Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan).

#### 4.2 MEMAHAMI KEHENDAK DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pengurusan atasan menentukan pihak yang berkepentingan dengan perkhidmatan dan sistem pengurusan kualiti KPKM seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 2.8**. Keperluan pihak berkepentingan ini dikenal pasti dan ditentukan dalam dokumen sistem pengurusan kualiti yang berkaitan.

KPKM memantau dan mengkaji semula maklumat mengenai pihak berkepentingan ini dan keperluan mereka yang berkaitan semasa mesyuarat yang melibatkan pengurusan antara atasan dan Ketua Bahagian/Unit.

#### 4.3 MENENTUKAN SKOP SISTEM PENGURUSAN KUALITI

KPKM telah menentukan skop pelaksanaan dan pensijilan sistem pengurusan kualiti seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 3.3**. Dalam menentukan skop ini, KPKM telah mempertimbangkan:-

- a. Isu luaran dan dalaman yang dirujuk dalam 3.7;
- b. Keperluan pihak yang berkepentingan yang berkaitan yang dirujuk dalam 2.8;
- c. Perkhidmatan KPKM.

#### 4.4 SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN PROSESNYA

KPKM membangunkan, mendokumentasikan, mengekalkan dan berterusan meningkatkan pengurusan sistem kualiti berdasarkan kepada keperluan standard MS ISO 9001:2015.

KPKM juga telah menentukan keperluan proses untuk pengurusan sistem kualiti dengan menentukan aliran-aliran proses yang terlibat dan interaksi di antara proses di setiap Bahagian/Unit dan hubungkait proses di antara Bahagian/Unit dengan Bahagian/Unit yang berkaitan.

KPKM juga menentukan kriteria dan kaedah yang sesuai di setiap Bahagian/Unit yang terlibat bagi memastikan proses-proses yang ditentukan dijalankan secara efektif dan terkawal. Kriteria dan kaedah-kaedah untuk mengawal proses-proses yang terlibat terdapat di dalam Prosedur Audit Dalaman, pemeriksaan, prosedur operasi dan tatacara kerja.

Keperluan sumber-sumber dan informasi penting turut dikawal bagi memastikan proses-proses yang terlibat di sesuatu Bahagian/Unit sentiasa terkini, tepat serta bersesuaian dengan kehendak pelanggan. Maklumat-maklumat ini boleh diperolehi melalui dokumen-dokumen, rekod-rekod yang sedia ada dan maklumat yang diterima daripada laporan Bahagian/Unit dalam laporan pencapaian piagam pelanggan.

KPKM mewujudkan kaedah pemantauan, pengukuran (di mana berkaitan), penilaian ke atas proses-proses perkhidmatan yang dijalankan melalui kaedah seperti pemeriksaan, mesyuarat, Audit Dalaman dan pengawasan.

Rekod-rekod hasil pelaksanaan pemantauan, pengukuran dan penilaian ke atas sesuatu aktiviti perkhidmatan yang diberikan akan dianalisis menggunakan teknik-teknik yang tertentu untuk memastikan pencapaian terhadap objektif dan polisi kualiti KPKM.

Sebarang masalah hasil daripada analisis yang dijalankan, perancangan tindakan pembetulan dan pencegahan akan dilaksanakan mengikut prosedur yang dibangunkan.

Penekanan terhadap tindakan pencegahan dan peningkatan secara berterusan merupakan asas utama kepada sistem pengurusan kualiti KPKM dalam memenuhi keperluan MS ISO 9001:2015, keperluan pelanggan dan undang-undang yang berkaitan.

KPKM juga memilih untuk menggunakan perkhidmatan luar ke atas proses-proses yang ditentukan mempunyai kesan terhadap kepatuhan keperluan perkhidmatan. KPKM akan memastikan kawalan ke atas proses berkenaan, jenis dan tahap kawalan yang dilaksanakan ke atas perkhidmatan luar adalah bergantung kepada:

- a. Impak yang berpotensi dari sumber luar terhadap keupayaan KPKM untuk memberikan perkhidmatan yang memenuhi keperluan;
- b. Tahap di mana kawalan terhadap proses dikongsi; dan
- c. Keupayaan untuk mencapai kawalan melalui penggunaan proses perolehan.

KPKM juga memastikan kawalan terhadap perkhidmatan luar tidak membebaskan tanggungjawab pihak Kementerian untuk memenuhi semua keperluan pelanggan dan peraturan dan undang-undang. Proses yang dilaksanakan melalui perkhidmatan luar dan kawalan yang dilaksanakan adalah:

| BIL. | PROSES                                                                | TAHAP DAN JENIS KAWALAN                                                                                                                                                   |
|------|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Khidmat Pakar Runding Penilaian                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemantauan dan pengesahan ditapak</li> <li>- Pengesahan laporan senarai nilai</li> <li>- Penilaian prestasi pembekal.</li> </ul> |
| 2    | Khidmat Pakar Runding                                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyediaan Pelan Strategik Kementerian (Dasar Agromakanan Negara)</li> </ul>                                                     |
| 3    | Khidmat Penyelenggaraan Kenderaan dan pekakasan dan perisian komputer | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengesahan kerja-kerja penyelenggaraan.</li> <li>- Penilaian prestasi pembekal.</li> </ul>                                       |

| BIL. | PROSES                                                    | TAHAP DAN JENIS KAWALAN                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|-----------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4    | Pembersihan Bangunan dan Kawalan Keselamatan Ibu Pejabat. | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengesahan kerja</li> <li>- Pemantauan pelaksanaan kerja.</li> <li>- Penilaian prestasi pembekal.</li> </ul>                                                                                                                                  |
| 5    | Kawal Selia Pembersihan Kawasan                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengesahan jadual kerja</li> <li>- Pemantauan kerja-kerja pembersihan di tapak.</li> <li>- Pengeluaran notis tindakan pembetulan.</li> <li>- Semakan dan pengesahan laporan kerja bulanan.</li> <li>- Penilaian prestasi pembekal.</li> </ul> |

|          |                   |
|----------|-------------------|
| <b>5</b> | <b>KEPIMPINAN</b> |
|----------|-------------------|

## 5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN

### 5.1.1 AM

Pengurusan atasan KPKM sentiasa memberi komitmen dalam perancangan dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti serta penambahbaikan dengan cara:

- a) Memaklumkan kepada warga kerja tentang kepentingan memenuhi keperluan pelanggan dan kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang;
- b) Menyediakan Dasar Kualiti untuk rujukan pegawai dan warga kerja;
- c) Menyediakan Objektif Kualiti bagi mengukur kemajuan pelaksanaan fungsi atau tugas setiap skop;
- d) Mempromosikan aktiviti-aktiviti penambahbaikan;
- e) Mempromosikan pemikiran berdasarkan risiko dalam proses kerja;
- f) Melaksanakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang berjadual bagi memastikan Objektif Kualiti dan sistem pengurusan berjalan dengan lancar; dan
- g) Menyediakan sumber untuk semua warga kerja bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan berjalan lancar.

### 5.1.2 FOKUS KEPADA PELANGGAN

KPKM sentiasa komited dan fokus kepada pelanggan dengan memastikan:

- a) Keperluan pelanggan, peraturan dan perundangan telah ditentukan, difahami dan sentiasa dipenuhi;
- b) Risiko dan peluang yang boleh memberi kesan kepada perkhidmatan ditentukan dan ditangani dengan lebih berkesan; dan
- c) Sentiasa meningkatkan kepuasan pelanggan.

## **5.2 DASAR**

### **5.2.1 Membangunkan dasar kualiti**

Bagi memastikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan, pihak KPKM telah membentuk dasar kualiti berpandukan kepada Dasar Agromakanan Negara seperti berikut: -

“Agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan”

### **5.2.2 Menyampaikan dasar kualiti**

Dasar Kualiti yang telah dibentuk hendaklah dilakukan penambahbaikan yang berterusan, disebarkan dan difahami oleh warga kerja dan dibuat penilaian bagi memastikan kesesuaian yang berterusan.

## **5.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA**

Bagi memastikan pelaksanaan sistem kualiti berjalan dengan lancar dan sistematik, pihak pengurusan KPKM telah menetapkan tanggungjawab dan kuasa kepada semua warga kerja. Senarai lengkap tugas dan tanggungjawab perlu dirujuk pada MyPortfolio di Bahagian/Unit masing-masing. Manakala warga kerja yang diberi kuasa tertentu telah diberi lantikan dan surat kuasa bagi melaksanakan tugas yang berkenaan.

|          |                    |
|----------|--------------------|
| <b>6</b> | <b>PERANCANGAN</b> |
|----------|--------------------|

### 6.1 TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG

Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, KPKM mestilah mempertimbangkan isu luaran dan dalaman (Lihat 3.7) dan Skop Sistem Pengurusan Kualiti (Lihat 3.3) serta menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani untuk:

- a) Memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dikehendaki;
- b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- c) Mencegah, atau mengurangkan kesan risiko yang tidak diingini;
- d) Menilai dan mengurus risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kesan terhadap hasil pertanian dan keselamatan makanan negara; dan
- e) Mencapai penambahbaikan.

KPKM telah merancang:

- a) Tindakan untuk menangani risiko dan peluang ini dalam Pelan Risiko dan Peluang (Lihat Fail Daftar Risiko). Tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang mestilah berpadanan dengan impak yang berpotensi ke atas perkhidmatan.
- b) Untuk melaksanakan tindakan ke dalam proses pengurusan kualiti serta menilai keberkesanan tindakan ini.

### 6.2 OBJEKTIF KUALITI DAN PERANCANGAN UNTUK MENCAPAINYA

Objektif kualiti diwujudkan di setiap peringkat dan fungsi dalam KPKM (lihat Lampiran A). Objektif ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 supaya pencapaian dapat dinilai dan dianalisis secara berterusan. Objektif kualiti ini dipantau, disemak dan dianalisis secara berterusan untuk memastikan kesesuaian dan mengenal pasti peluang penambahbaikan ke atas

sistem pengurusan kualiti, khususnya semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).

### 6.3 PERANCANGAN PERUBAHAN

Sekiranya terdapat keperluan untuk mengubah sistem pengurusan kualiti, ia akan dilaksanakan dengan teratur dan mengambil kira perkara berikut:

- a. Tujuan perubahan dan kesan yang berpotensi;
- b. Integriti sistem pengurusan kualiti;
- c. Adanya sumber; dan
- d. Menentukan tanggungjawab dan kuasa.

## 7

## SOKONGAN

### 7.1 SUMBER

#### 7.1.1 Am

KPKM bertanggungjawab mengenal pasti dan menyediakan sumber yang diperlukan (termasuk yang perlu diperolehi daripada pihak luar) bagi:

- a) Melaksana dan menyelenggara sistem pengurusan kualiti dan menambahbaik keberkesananannya secara berterusan; dan
- b) Memenuhi keperluan pelanggan.

#### 7.1.2 Modal Insan

KPKM telah menentukan dan menyediakan modal insan yang perlu untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan kawalan proses kerja yang berkaitan. Keperluan modal insan dikaji semula daripada masa ke semasa mengikut fungsi Bahagian/Unit.

#### 7.1.3 Prasarana

Pengurusan KPKM memastikan penyediaan dan penyelenggaraan prasarana yang bersesuaian bagi melaksanakan perkhidmatan yang berkualiti. Prasarana tersebut terdiri daripada:

- a) Bangunan Kementerian, ruang bekerja, bilik mesyuarat, surau, tandas, stor, kafeteria dan lain-lain prasarana;
- b) Komputer, alat tulis, mesin kira, mesin faksimili, mesin fotostat, kamera, kamera video, mesin pengimbas, mesin pencetak dan lain-lain peralatan;
- c) Perkhidmatan sokongan seperti internet, telefon dan kenderaan pejabat; dan
- d) Prasarana sentiasa dijaga dan diselenggara dengan baik.

#### **7.1.4 Persekitaran untuk operasi proses**

Pengurusan KPKM menitikberatkan kemudahan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat. Keperluan ruang yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang akan diberikan seperti ruang pejabat untuk warga kerja, peralatan keselamatan seperti alat pemadam api dan peti kecemasan turut disediakan. Pihak Pengurusan akan memastikan kakitangan dan pelanggan tidak mengalami gangguan bunyi, kelembapan suhu, cahaya dan cuaca.

Persekitaran kerja yang sesuai juga termasuk faktor sosial (contoh: tiada diskriminasi kepada warga kerja dan memastikan persekitaran kerja yang harmoni) dan psikologi (contoh: menjalankan aktiviti yang boleh mengurangkan tekanan kerja dan melindungi emosi anggota).

#### **7.1.5 Sumber pemantauan dan pengurusan**

Keperluan ini tidak dilaksanakan dalam sistem pengurusan kualiti KPKM kerana tiada sebarang peralatan pengukuran yang perlu dikalibrasi atau diverifikasi.

#### **7.1.6 Pengetahuan dalam organisasi**

Pengetahuan yang perlu untuk operasi proses kerja dan perkhidmatan dikenal pasti dan ditentukan. Pengetahuan ini boleh diperolehi dari sumber dalaman (contoh: pengalaman warga kerja, pengajaran daripada kejayaan atau kegagalan perkhidmatan yang lepas dan aktiviti atau program penambahbaikan dan sumber

luaran (contoh: standard, akta, undang-undang garis panduan, persidangan dan kursus luaran) Pengetahuan ini perlu diselenggarakan, dikekalkan dan sentiasa ada apabila diperlukan. Pengetahuan ini juga perlu didokumenkan (sama ada dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy*) untuk memudahkan pengendaliannya dan sebagai rujukan kepada Warga KPKM. Setiap warga kerja digalakkan untuk menggunakan pengetahuan ini dan berkongsi pengetahuan yang ada atau yang diperolehi untuk mencapai objektif KPKM.

## 7.2 KEKOMPETENAN

Bagi memastikan warga kerja melaksanakan tugas dengan baik, pihak pengurusan telah menerima warga kerja berdasarkan kelayakan akademik, kemahiran dan pengalaman bersesuaian dengan keperluan tugas. Pengurusan KPKM juga memastikan warga kerja diberi pendedahan berikut:

- a. Kemahiran dan latihan yang bersesuaian dengan tugas mereka;
- b. Membuat penilaian terhadap latihan yang telah diterima oleh warga kerja berkenaan.

Keperluan latihan dikenal pasti melalui kaedah berikut:

- a. Cadangan warga kerja;
- b. Cadangan pihak pengurusan KPKM; dan
- c. Tawaran kursus yang bersesuaian daripada pihak luar.

Rekod latihan diselenggara dalam Buku Rekod Perkhidmatan/ Fail Peribadi oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan dipantau melalui Sistem Profil Latihan KPKM.

### 7.3 KESEDARAN

KPKM memastikan setiap warga kejar sedar mengenai:

- a. Dasar Agromakanan Negara 2.0; selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025 – 2030.
- b. Objektif Kualiti;
- c. Sumbangan mereka terhadap keberkesanan sistem pengurusan kualiti termasuk faedah jika prestasi meningkat;
- d. Kesan jika tidak akur kepada keperluan sistem pengurusan kualiti.

### 7.4 KOMUNIKASI

KPKM menyediakan kaedah dan proses komunikasi dalaman bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti. Matlamat KPKM dan keperluan pelanggan dinyatakan melalui kenyataan objektif dan dasar. Keputusan dan hasil mesyuarat/perbincangan/maklumat dimaklumkan kepada warga kerja melalui minit mesyuarat, laporan, memo, papan kenyataan, secara lisan, emel, surat dan laman sesawang KPKM.

### 7.5 MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN

#### 7.5.1 Am

Sistem pengurusan kualiti KPKM merangkumi:

- a. Maklumat didokumentasikan yang diperlukan oleh standard antarabangsa ini seperti skop pendaftaran sistem pengurusan kualiti, Dasar dan Objektif Kualiti serta rekod yang dinyatakan dalam Manual ini; dan
- b. Maklumat didokumentasikan oleh KPKM adalah perlu bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dan keperluan dokumen dikaji semula mengikut kesesuaian.

### 7.5.2 Mewujudkan dan mengemaskini

Apabila mewujudkan dan mengemaskini maklumat untuk didokumentasikan, KPKM mestilah memastikan kesesuaian:

- a. Identifikasi dan deskripsi (contoh: tajuk, tarikh, penyedia dan pelulus)
- b. Format (Contoh: Bahasa, Versi Perisian, grafik) dan media (contoh: kertas, elektronik); dan
- c. Mengkaji semula dan kelulusan untuk kesesuaian dan kecukupan.

### 7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan

Maklumat yang didokumentasikan dikawal untuk memastikan:

- a. Sentiasa ada dan sesuai untuk digunakan, di mana dan bila ianya diperlukan;
- b. Dilindungi secukupnya (contoh: kehilangan kerahsiaan digunakan secara tidak sesuai, atau kehilangan integriti);
- c. Pengedaran, akses, dapatan semula dan penggunaan;
- d. Penyimpanan dan pemeliharaan, termasuk pemeliharaan;
- e. Kawalan ke atas perubahan (contoh: kawalan versi); dan
- f. Tempoh penyimpanan dan pelupusan berdasarkan Akta Arkib Negara.

Maklumat didokumentasikan yang berasal daripada luaran (contoh: Akta, Pekeliling, Arahan Perbendaharaan, Surat Hebahan dan Garis Panduan) mestilah dikenal pasti dengan sewajarnya dan dikawal. Maklumat didokumentasikan yang dikekalkan sebagai bukti keakuran seperti rekod, surat dan fail mestilah dilindungi daripada pengubahsuaian yang tidak diingini. Kebenaran untuk mengakses dokumen ini telah ditentukan.

### 8.1 PERANCANGAN DAN KAWALAN OPERASI

KPKM memastikan perancangan dibuat terhadap perkhidmatan. Perancangan yang dilakukan adalah konsisten dengan keperluan proses lain dalam sistem pengurusan kualiti seperti yang ditunjukkan dalam carta aliran dan perincian kerja termasuk pelaksanaan tindakan yang telah ditentukan dalam Pelan Risiko dan Pelan Tindakan Objektif Kualiti. Perancangan adalah merangkumi seperti:

- a. Sasaran Kerja Utama; dan
- b. Perancangan Bahagian/Unit.

Keperluan sumber proses dan kawalan untuk memenuhi perancangan kualiti seperti mengadakan:

- a. Perbincangan
- b. Pemantauan
- c. Bengkel
- d. Kursus
- e. Seminar
- f. Latihan
- g. Mesyuarat

Keperluan pemeriksaan, pengujian, pengesahan dan pemantauan terhadap perancangan kualiti yang dilakukan oleh Ketua Bahagian.

Keperluan penyelenggaraan rekod sebagai bukti proses pelaksanaan perkhidmatan telah dilakukan melalui catatan minit, fail, surat dan pengkalan data.

## **8.2 KEPERLUAN UNTUK PRODUK DAN PERKHIDMATAN**

### **8.2.1 komunikasi dengan pelanggan**

Pengurusan KPKM memastikan proses perkhidmatan pelanggan dibuat dengan lebih efisien melalui penilaian terhadap Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Komunikasi dengan pelanggan dilaksanakan melalui portal Kementerian. Unit Komunikasi Korporat dipertanggungjawabkan untuk mengendali dan menganalisis maklumat mengenai aduan pelanggan.

### **8.2.2 Menentukan keperluan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan**

KPKM telah mengenal pasti :

- a. Keperluan pelanggan melalui borang aduan pelanggan, borang permohonan, surat permohonan, surat aduan, komen/aduan melalui media, pengedaran borang soal selidik kepuasan pelanggan dan e-mail. Semua keperluan pelanggan mestilah jelas dan lengkap.
- b. Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan, ditetapkan oleh peraturan dan undang-undang seperti Pekeliling Perkhidmatan.

### **8.2.3 Kajian semula keperluan untuk produk dan perkhidmatan**

KPKM memastikan bahawa ia mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Oleh itu, KPKM membuat penilaian keperluan perkhidmatan berdasarkan kajian secara dalam talian sebelum dilaksanakan kepada pelanggan dengan mengambil kira perkara berikut :

- a. Keperluan perkhidmatan oleh pelanggan dikenalpasti.
- b. Keperluan yang berbeza dengan perkhidmatan terdahulu diperjelaskan kepada warga kerja yang terlibat oleh Pihak Pengurusan.
- c. KPKM berusaha memenuhi keperluan terhadap pembaharuan dan penambahbaikan perkhidmatan.

d. KPKM telah mengambil inisiatif untuk menyimpan maklumat didokumentasikan seperti yang berkenaan:

- a) Kajian Semula Pengurusan yang direkodkan dalam minit mesyuarat dan disimpan di dalam fail yang disediakan. (Lihat Fail Mesyuarat Kajian Pengurusan Semula.

#### **8.2.4 Perubahan keperluan untuk produk dan perkhidmatan**

Jika berlaku perubahan yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan, pegawai yang diarahkan akan meminda dokumen yang berkaitan dan memaklumkan kepada warga kerja serta pelanggan berkenaan.

### **8.3 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN**

Keperluan ini tidak dilaksanakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti KPKM kerana tiada sebarang aktiviti reka bentuk dan pembangunan perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan.

### **8.4 KAWALAN PROSES, PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DARI LUAR**

#### **8.4.1 Am**

KPKM memastikan produk dan perkhidmatan yang diperolehi daripada luar memenuhi keperluan yang ditetapkan. Kawalan yang bersesuaian telah dikenalpasti dan dilaksanakan.

Kriteria untuk penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi, dan penilaian semula ke atas pembekal (termasuk perkhidmatan kebersihan dan keselamatan) dilaksanakan mengikut keperluan peraturan dan pekeliling semasa serta kontrak yang dipersetujui. Selain itu, kawalan proses dan kriteria yang ditetapkan adalah bergantung kepada kerja di setiap Bahagian di KPKM.

#### **8.4.2 Jenis dan tahap kawalan**

Kawalan pembekal adalah berdasarkan kepada kesan produk atau perkhidmatan mereka ke atas perkhidmatan KPKM. Ini adalah untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang diterima daripada pembekal tidak menjejaskan perkhidmatan KPKM. Kawalan ini akan disemak mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

#### **8.4.3 Maklumat untuk pembekal luar**

Setiap maklumat mengenai aktiviti ini seperti dokumen kontrak, sebut harga, tender, pesanan tempatan diselenggara dan dikekalkan. Dokumen-dokumen ini mestilah mempunyai status semakan, pengesahan dan kelulusan yang lengkap dan jelas sebelum persetujuan dibuat dengan pembekal. Sekiranya terdapat keperluan-keperluan tambahan, dokumen ini perlu dipinda dan dimaklumkan kepada pihak berkenaan.

### **8.5 PENYEDIAAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN**

#### **8.5.1 Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan**

KPKM mestilah melaksanakan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan dalam keadaan terkawal. Keadaan terkawal termasuk, yang mana berkenaan:

- a) Maklumat yang didokumenkan menjelaskan:
  - i. Ciri-ciri produk yang akan dihasilkan, perkhidmatan yang akan disediakan atau aktiviti yang hendak dilaksanakan; dan
  - ii. Hasil yang akan dicapai.
- b) Penggunaan sumber yang sesuai untuk pengukuran dan pemantauan;
- c) Pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran di tahap yang sesuai untuk mengesahkan bahawa kriteria untuk kawalan proses atau output, dan kriteria penerimaan untuk produk dan perkhidmatan, telah dipenuhi;
- d) Penggunaan infrastruktur dan persekitaran yang sesuai bagi operasi proses;

- e) Penugasan orang yang kompeten, termasuk sebarang kelayakan yang diperlukan;
- f) Verifikasi dan validasi semula secara berkala, keupayaan untuk mencapai keputusan yang dirancang daripada proses-proses untuk penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan, di mana output yang dihasilkan tidak boleh disahkan oleh pemantauan dan pengukuran seterusnya;
- g) Pelaksanaan tindakan untuk mencegah kesalahan manusia; dan
- h) Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pelepasan, penghantaran, dan aktiviti selepas penghantaran.

### **8.5.2 Pengenalpastian dan kebolehesanan**

KPKM mengenal pasti semua perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan termasuk, status pemantauan dan penilaian sepanjang tempoh pemberian perkhidmatan dilaksanakan berdasarkan proses kerja yang ditetapkan. KPKM telah mewujudkan sistem penyimpanan rekod-rekod yang sistematik bagi memudahkan pengesanan semula rekod tersebut dan direkodkan secara digital melalui sistem *Digital Document Management System (DDMS)*.

### **8.5.3 Harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar**

Memastikan harta milik pelanggan dan penyedia luaran (pembekal), termasuk maklumat peribadi pelanggan dijaga dan diselenggara dengan sempurna semasa di bawah kawalan KPKM. Harta milik pelanggan seperti dokumen pelanggan dan peralatan yang disewa daripada pembekal.

Kawalan meliputi:

- a. Merekod penerimaannya;
- b. Dikenalpasti, disahkan, dijaga, dan dipastikan selamat;
- c. Menjamin kerahsiaan;
- d. Jika hilang, rosak, atau tidak boleh digunakan lagi perlu dilaporkan kepada pelanggan, dan
- e. Rekod yang berkaitan dikekalkan.

#### **8.5.4 Pemeliharaan**

Pemeliharaan merangkumi identifikasi, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, perlindungan dan penghantaran untuk memastikan produk sentiasa dalam keadaan sempurna, selamat dan mencukupi. Dokumen dan fail dipastikan mempunyai rujukan yang jelas dan mematuhi tatacara penyimpanan. Penyimpanan rapi juga perlu dilakukan untuk mengelakkan daripada hilang atau rosak. Surat menyurat yang memerlukan penghantaran perlu direkodkan atau berdaftar.

#### **8.5.5 Aktiviti selepas penghantaran**

Keperluan untuk aktiviti selepas penghantaran produk atau penyampaian perkhidmatan mestilah dipenuhi seperti proses produk dalam jaminan dan perkhidmatan susulan. (Contoh: dalam proses pengurusan peruntukan projek kecil pembangunan terdapat tanggungjawab untuk menyelenggara atau memperbaiki projek yang mengalami kerosakan selepas disiapkan).

Perkara berikut perlu diambil kira dalam pelaksanaan proses yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan KPKM:

- a. Keperluan peraturan dan perundangan;
- b. Kesan yang tidak diingini yang berkemungkinan berlaku berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;
- c. Penggunaan dan jangka hayat produk dan perkhidmatan;
- d. Keperluan pelanggan; dan
- e. Maklumbalas pelanggan.

#### **8.5.6 Kawalan perubahan**

Sebarang perubahan yang dibuat semasa proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan mestilah disemak dan dikawal, terutama yang melibatkan dokumen-dokumen rasmi dan sistem pengurusan kualiti. Rekod perubahan hendaklah disimpan dalam dokumen yang berkaitan agar maklumat perubahan, pegawai pengesah dan ciri-ciri perubahan dapat direkodkan.

## 8.6 PELEPASAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Produk dan perkhidmatan perlu disemak, disahkan, atau diluluskan untuk memastikan produk dan perkhidmatan tersebut telah memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam sistem pengurusan kualiti. Ia tidak boleh diberikan atau disampaikan kepada pelanggan jika belum disahkan atau diluluskan oleh anggota atau pegawai yang bertanggungjawab.

Keperluan ini telah dinyatakan dalam proses kerja dan senarai tugas yang berkaitan. Bukti semakan, pengesahan atau kelulusan serta anggota atau pegawai yang bertanggungjawab didokumenkan dalam rekod yang berkaitan.

## 8.7 KAWALAN OUTPUT YANG TIDAK AKUR

KPKM memastikan semua produk dan perkhidmatan yang tidak akur terhadap keperluan perancangan, dikenal pasti dan dikawal bagi mencegah penggunaan atau pemberian perkhidmatan kepada pelanggan.

KPKM menguruskan ketakakuran produk dan perkhidmatan melalui kaedah berikut:

- a. Mengambil tindakan pembetulan;
- b. Membuat pengasingan, pembendungan, pemulangan atau penggantungan penyediaan produk dan perkhidmatan;
- c. Memaklumkan kepada pelanggan;
- d. Mendapatkan kebenaran untuk penerimaan di bawah konsesi; dan
- e. Mengenal pasti punca kuasa bagi tindakan pembetulan, pertukaran, penyelenggaraan atau tindakan lain untuk mengawal ketakakuran.

Selepas tindakan pembetulan bagi ketakakuran perkhidmatan dilakukan, tindakan pengesahan semula keakuran perkhidmatan tersebut terhadap keperluan perlu dilaksanakan. Sebarang tindakan berkaitan kawalan ketakakuran perkhidmatan akan diwujudkan dan diselenggara termasuk tindakan yang dilakukan berdasarkan ketidakakuran yang dilaporkan perlu direkodkan.

## **9.1 PEMANTAUAN, PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENILAIAN**

### **9.1.1 Am**

KPKM menentukan proses yang perlu dipantau dan diukur termasuk kaedah, jangka masa pelaksanaan dan tempoh keputusan perlu dinilai berdasarkan proses kerja yang berkaitan.

KPKM juga sentiasa menjalankan penilaian ke atas prestasi dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti. Dokumen yang berkaitan dengan pemantauan, analisis dan penilaian mestilah dikekalkan dan direkod.

Pemantauan berkala melalui mekanisme pemantauan Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025-2030 bagi menilai keberkesanan strategi yang dilaksanakan.

KPKM juga menilai impak perubahan iklim terhadap produktiviti pertanian dan menyesuaikan strategi Kementerian mengikut keperluan semasa.

### **9.1.2 Kepuasan Pelanggan**

KPKM memantau maklumat berkaitan kepuasan pelanggan sebagai kaedah untuk mengukur prestasi dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti. Pihak pengurusan akan mendapatkan ulasan kepuasan pelanggan melalui aduan pelanggan dan soal selidik kepuasan pelanggan. Analisis akan dibuat untuk mengenal pasti kepuasan pelanggan.

### **9.1.3 Analisis dan Penilaian**

KPKM mengumpul data bagi menilai keberkesanan sistem pengurusan kualiti. Data dikumpul melalui rekod kerja, audit dalaman dan sumber lain yang sesuai. Teknik statistik digunakan bergantung kepada kesesuaian. Data berkenaan digunakan untuk menilai perkara berikut :

- a. Keakuran perkhidmatan;
- b. Tahap kepuasan pelanggan;
- c. Prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- d. Perancangan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan berkesan;
- e. Keberkesanan tindakan untuk menangani risiko dan peluang;
- f. Prestasi pembekal; dan
- g. Keperluan untuk menambahbaik sistem pengurusan kualiti

## 9.2 AUDIT DALAMAN

KPKM melaksanakan audit dalaman pada jangka masa yang telah dirancang iaitu sekali setahun (berdasarkan pelan tindakan pelaksanaan MS ISO 9001:2015) untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualiti:

- a. Mematuhi kepada:
  - i. Keperluan Sistem Pengurusan Kualiti KPKM
  - ii. Keperluan MS ISO 9001:2015
- b. Dilaksana dan diselenggarakan dengan berkesan.

Audit dalaman dilaksanakan dengan mengambil kira perkara berikut:

- a. Merancang, mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan program audit yang merangkumi kekerapan, kaedah, tanggungjawab, keperluan perancangan dan laporan, yang mengambil kira kepentingan proses berkenaan, perubahan yang memberi kesan kepada KPKM, dan keputusan audit yang lepas;
- b. Menjelaskan kriteria dan skop audit bagi setiap audit;
- c. Memberi latihan kepada juruaudit untuk memastikan proses audit yang berdasarkan fakta dan adil;
- d. Memastikan keputusan audit dilaporkan kepada pengurusan atasan;
- e. Melaksanakan pembetulan dan tindakan pembetulan yang sesuai tanpa penangguhan; dan
- f. Mengekalkan rekod audit sebagai bukti pelaksanaan program dan keputusan audit.

## 9.3 KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

### 9.3.1 Am

Pengurusan atasan KPKM membuat penilaian kepada kesesuaian dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti sekali setahun (berdasarkan pelan tindakan pelaksanaan MS ISO 9001:2015) yang dibincangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan. Rekod penilaian dan perbincangan

pengurusan akan diselenggarakan oleh Penyelaras Program MS ISO 9001:2015.

### 9.3.2 Input kajian semula pengurusan

Input penilaian pengurusan dibincang pada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Status tindakan dari kajian semula pengurusan yang lepas;
- b. Perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti;
- c. Maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk aliran dalam perkara berikut:
  - Kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang berkaitan;
  - Pencapaian Objektif Kualiti;
  - Prestasi proses serta keakuran produk dan perkhidmatan;
  - Ketakakuran dan tindakan pembetulan;
  - Keputusan pemantauan dan tindakan pembetulan;
  - Keputusan pemantauan dan pengukuran;
  - Keputusan audit; dan
  - Prestasi pembekal luar.
- d. Kecukupan sumber;
- e. Keberkesanan tindakan yang diambil dalam menangani risiko dan peluang (Lihat 6.1); dan
- f. Peluang untuk penambahbaikan.

### 9.3.3 Output kajian semula pengurusan

Kajian Semula Pengurusan mestilah merumuskan keputusan dan tindakan yang merangkumi:

- a. Peluang penambahbaikan;
- b. Keperluan untuk perubahan kepada sistem pengurusan kualiti; dan

c. Keperluan sumber.

10

## PENAMBAHBAIKAN

Keputusan dan tindakan daripada Kajian Semula Pengurusan perlu diminit dan diedarkan kepada Bahagian/Unit yang berkenaan untuk pelaksanaan tindakan. Pengurusan atasan bertanggungjawab untuk memastikan semua keputusan dan tindakan dilaksanakan dan dipantau dengan sewajarnya.

### 10.1 AM

KPKM menentukan dan melaksanakan beberapa langkah atau tindakan bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Ia merangkumi;

- a. Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sentiasa peka dengan keperluan jangkaan pelanggan pada masa hadapan;
- b. Melaksanakan tindakan pembetulan dan mencegah kesan yang tidak diingini; dan
- c. Meningkatkan prestasi dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

### 10.2 KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN

Apabila berlaku ketakakuran termasuk aduan pelanggan, KPKM mestilah:

- a. Memberi maklum balas terhadap ketakakuran itu dan, jika berkenaan:
  - i. Mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya; dan
  - ii. Menangani kesan ketakakuran tersebut.
- b. Menilai keperluan untuk tindakan bagi menghapuskan punca ketakakuran, supaya ia tidak berulang atau berlaku ditempat lain, dengan cara:
  - i. Mengkaji dan menganalisis ketakakuran;
  - ii. Menentukan punca-punca ketakakuran; dan
  - iii. Menentukan sekiranya wujud ketakakuran yang sama, atau mungkin berpotensi untuk berlaku;

- c. Melaksanakan tindakan pembetulan dan mengkaji semula keberkesanannya;
- d. Mengemaskini risiko dan peluang yang ditentukan dalam Pelan Risiko dan Peluang;
- e. Membuat perubahan kepada Sistem Pengurusan Kualiti, jika perlu; dan
- f. Mengekalkan rekod yang berkaitan dengan audit dan tindakan pembetulan.

### 10.3 PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

KPKM menambah baik kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui penggunaan dan pelaksanaan dasar kualiti, objektif kualiti, keputusan audit, analisis dan penilaian data, tindakan pembetulan dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula.

**OBJEKTIF KUALITI : BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK  
KPKM.PK(D)**

| Bil | Jabatan/<br>Bahagian/Unit                         | Objektif Kualiti                                                                                        | Pelan Tindakan                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Sumber<br>Yang<br>Diperlukan                               | Tanggungjawab                                                                                                                                                        | Tarikh<br>Tindakan                                               | Kaedah<br>Penilaian                         |
|-----|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| 1.  | Bahagian<br>Dasar dan<br>Perancangan<br>Strategik | Memastikan<br>NJM didaftar di<br>BKPP, Jabatan<br>Perdana<br>Menteri dalam<br>tempoh 7 hari<br>berkerja | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meminda draf<br/>NJM mengikut<br/>format dan<br/>maklumat<br/>tambahan<br/>sekiranya perlu</li> <li>• Draf NJM<br/>dimuktamadkan<br/>untuk persetujuan<br/>YBM/YBTM/KSU</li> <li>• Mendaftar NJM<br/>yang telah<br/>ditandatangani<br/>oleh YBM/YBTM/<br/>KSU di BKPP</li> </ul> | NJM yang<br>telah<br>dipersetujui<br>oleh YBM/<br>YBTM/KSU | <ul style="list-style-type: none"> <li>• YBM</li> <li>• YBTM</li> <li>• KSU</li> <li>• TKSU</li> <li>• SUB</li> <li>• TSUB</li> <li>• KPSU</li> <li>• PSU</li> </ul> | Selepas<br>menerima draf<br>NJM daripada<br>Bahagian/<br>Jabatan | Keputusan<br>Mesyuarat<br>Jemaah<br>Menteri |

**LAPORAN ANALISA PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN**

| BAHAGIAN                                       | OBJEKTIF KUALITI                                                                                                                                                                                                                                                               | TAHUN 2023   |       |             |             |             |                                                                                                                              |                                                                                                     | TAHUN 2024   |       |             |             |             |                                                                                                                              |                                                                                                     | Ulasan Terhadap Pencapaian Objektif Kualiti                    |
|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|-------|-------------|-------------|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|-------|-------------|-------------|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
|                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                | BIL. SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | Ulasan                                                                                                                       | Cedangan Penambahbaikan                                                                             | BIL. SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | Ulasan                                                                                                                       | Cedangan Penambahbaikan                                                                             |                                                                |
| BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (DPS) | Prosedur ini bertujuan untuk memastikan Nota Jemaah Menteri didaftarkan di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP), Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh 7 hari bekerja setelah mendapat kelulusan YB Menteri/Timbalan Menteri/Ketua Setiausaha. | 9            | 9     | 100%        | 0           | 0%          | Semua NJM yang dikemukakan ke Bahagian DPS telah diproses dan didaftarkan ke BKPP. JPM mengikut tempoh masa yang ditetapkan. | Tiada penambahbaikan objektif kualiti. Gerak kerja dan proses yang ditetapkan dalam kawalan semasa. | 5            | 5     | 100%        | 0           | 100%        | Semua NJM yang dikemukakan ke Bahagian DPS telah diproses dan didaftarkan ke BKPP. JPM mengikut tempoh masa yang ditetapkan. | Tiada penambahbaikan objektif kualiti. Gerak kerja dan proses yang ditetapkan dalam kawalan semasa. | Objektif Kualiti 100% tercapai bagi tahun 2023 dan tahun 2024. |

Tarikh Komision: 24 Mac 2025

## OBJEKTIF KUALITI PENGURUSAN LATIHAN KPKM.PS (PSM)

| Bil. | Jabatan/<br>Bahagian/Unit                              | Objektif Kualiti                                                                                                                                                                                                         | Pelan Tindakan                                                                                                                                   | Sumber Yang<br>Diperlukan                                                       | Tanggungjawab                                | Tarikh<br>Tindakan | Kaedah<br>Penilaian                                    |
|------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|--------------------|--------------------------------------------------------|
| 1.   | Bahagian<br>Pembangunan<br>Sumber<br>Manusia<br>(BPSM) | Memastikan 95%<br>kehadiran lima (5)<br>hari berkursus<br>setahun bagi setiap<br>pegawai/ kakitangan<br>merujuk kepada<br>kepada Surat<br>Edaran KPKM ruj.<br>MOA.500-5/10/2<br>Jld.5 (59) bertarikh<br>26 Januari 2024. | Memantau<br>kehadiran<br>kursus melalui<br>Sistem Profil<br>Latihan versi 2.0<br>(SPLv2) dan<br>laporan oleh<br>Pegawai Tadbir<br>Bahagian (PTB) | Pengisian<br>maklumat<br>dalam Sistem<br>Profil Latihan<br>versi 2.0<br>(SPLv2) | KPSU (PSM) I<br>PSUK (PSM) I<br>PTB Bahagian | Sepanjang<br>tahun | Mesyuarat<br>Jawatankuasa<br>Latihan Dalaman<br>(MJLD) |

LAPORAN ANALISA PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN

| BAHAGIAN                                  | OBJEKTIF KUALITI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | TAHUN 2023  |       |             |             |             |                                                                                                        |                                            | TAHUN 2024  |       |             |             |             |                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN TERHADAP PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI           |
|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------|-------------|-------------|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|-------------|-------|-------------|-------------|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
|                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | BIL SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | ULASAN                                                                                                 | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN                    | BIL SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | ULASAN                                                                                                                  | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN                                                                                                                                                                                            |                                                       |
| BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM) | <p>2023: Memastikan 80% kehadiran sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkursus setahun bagi setiap pegawai / kakitangan selaras dengan penangguhan pelaksanaan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) melalui Surat Edaran Penangguhan Pelaksanaan DPSM rujukan JPA.(S).600-1/3/31(26) bertarikh 2 Mac 2022 dan JPA.(S).600-1/3/31(29) bertarikh 2 Februari 2023.</p> <p>2024: Memastikan 80% kehadiran lima (5) hari berkursus setahun bagi setiap pegawai/ kakitangan berdasarkan Penetapan Dasar Dalamana Lima (5) Hari Berkursus setahun bagi Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merujuk kepada Surat Edaran KPKM ruj. MOA.500-5/10/2 Jld.5 (59) bertarikh 26 Januari 2024 selaras dengan Surat Edaran JPA ruj. JPA(I)S.175/4/1-1Klt.22(28) bertarikh 29 Februari 2016.</p> | 80%         | 1514  | 91.48%      | -           | -           | SPLv2 telah ditambah baik bagi memudahkan pegawai mengemaskini maklumat kehadiran kursus masing-masing | Mengekalkan cadangan penambalkan sedia ada | 80%         | 1542  | 99.68%      | -           | -           | Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Dalamana (MJLD) telah dilaksanakan bagi menyelaras dan memantau kehadiran kursus pegawai | Sesi taklimat penggunaan SPLv2 kepada semua Pegawai Pentadbir Bahagian (PTB) serta pengguna diadakan secara tahunan bagi meningkatkan pemahaman pegawai untuk mengemaskini maklumat kehadiran kursus masing-masing | Terdapat peningkatan terhadap pencapaian setiap tahun |

## OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN: INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI (IMAT)

## KPKM.PS (IMAT)

| Bil. | Bahagian/Unit | Objektif Kualiti                                                                                                                                                                                                           | Pelan Tindakan                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | Sumber yang diperlukan                                                                                                                                                                                                    | Tanggungjawab                                                                                                                                                                                                                | Tarikh Tindakan         | Kaedah Penilaian                    |
|------|---------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|-------------------------------------|
| 1    | IMAT          | Keputusan permohonan Geran Pemadanan High Impact Product (HIP) dimaklumkan kepada Jabatan/Agensi pembimbing dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG) bersidang | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan lawatan teknikal oleh Jawatankuasa Teknikal Geran Pemadanan (JKTGP)</li> <li>Pelaporan oleh Agensi Pelaksana dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG)</li> <li>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dokumen yang diterima adalah lengkap</li> <li>Ahli Jawatankuasa Teknikal Geran Pemadanan (JKTGP)</li> <li>Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKTPG)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>KPSU (IMAT) PIM</li> <li>PSU (IMAT) PIM</li> <li>Ahli Jawatankuasa Teknikal Geran Pemadanan (JKTGP)</li> <li>Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG)</li> </ul> | Selepas mesyuarat JKKPG | Laporan Keputusan lawatan penilaian |

LAPORAN ANALISA PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN

| BAHAGIAN                                       | OBJEKTIF KUALITI                                                                                                                                                                                                            | TAHUN 2023  |       |             |             |             |                                                                                                                                                                       |                         | TAHUN 2024  |       |             |             |             |                                                                                                                                                                                                                                                                 |                         |
|------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------|-------------|-------------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|-------------|-------|-------------|-------------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
|                                                |                                                                                                                                                                                                                             | BIL SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | Ulasan                                                                                                                                                                | Cadangan Penambahbaikan | BIL SASARAN | CAPAI | PERATUS (%) | TIDAK CAPAI | PERATUS (%) | Ulasan                                                                                                                                                                                                                                                          | Cadangan Penambahbaikan |
| BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI (IMAT) | Keputusan permohonan Geran Pemadanan High Impact Product (HIP) dimaklumkan kepada Jabatan/ Agensi pembimbing dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG) bersidang | 10          | 13    | 100%        | 0           | 0%          | 13 surat keputusan permohonan baharu telah dikeluarkan dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG) bersidang |                         | 10          | 5     | 50%         | 8           | 50%         | Daripada 13 permohonan 8 surat pemakluman keputusan diedarkan kepada jabatan/agensi pembimbing dalam tempoh melebihi 2 hari bekerja selepas Mesyuarat JKKPG. Perkara ini telah mendapat teguran pengurusan atasan dan tidak akan berulang pada masa akan datang |                         |

Tarikh Kemaskini: 10.03.2024

**OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN: BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI**

**KPKM.PK(PB)-01 HINGGA 06**

| Bil | Bahagian/Unit                      | Objektif Kualiti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Pelan Tindakan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Sumber yang diperlukan                                                                                                                                                   | Tanggungjawab                                                                                                                                                                                                                                                                  | Tarikh pindaan                                                                       | Kaedah Penilaian                                                                           |
